

UEM EDGENTA PERKUKUHKAN PERANAN DALAM PEMBANGUNAN PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK

Memperkasa Tenaga Kerja Tempatan Bagi Projek Mega Masa Hadapan

KUALA LUMPUR, 13 Julai – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), sebuah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka yang bertindak sebagai Jurutera Pemeriksa Bebas (*Independent Checking Engineer - ICE*), telah berjaya menyelia dan merealisasikan pembangunan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Projek ini melakar pencapaian penting dalam memperkuat jaringan pengangkutan Sarawak, membuka lebih banyak peluang ekonomi, serta meningkatkan akses untuk komuniti di seluruh negeri.

Lebuhraya Pan Borneo dijangka akan melancarkan mobiliti, meningkatkan kecekapan logistik, dan menyokong pertumbuhan sosioekonomi jangka panjang dengan menghubungkan bandar, kawasan luar bandar, dan koridor ekonomi utama. Melangkaui sekadar infrastruktur fizikal, projek ini merupakan satu pelaburan jangka panjang ke arah membina daya tahan, daya saing, dan peningkatan kualiti hidup di negeri tersebut.

Diterajui oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak selaku peneraju utama projek, pencapaian ini telah dilaksanakan melalui tadbir urus kritikal, penyeliaan teknikal, serta kepakaran pengurusan projek UEM Edgenta. Bersandarkan pengalaman Syarikat menguruskan projek-projek infrastruktur mega bernilai lebih RM100 bilion di seluruh Malaysia, UEM Edgenta telah memastikan setiap fasa pelaksanaan mematuhi piawaian ketat dari segi kualiti, keselamatan, pematuhan kawal selia, dan kemampanan.

Bagi merentasi cabaran rupa bumi landskap Sarawak yang luas, pengalaman UEM Edgenta dalam menguruskan projek mega seperti Lebuhraya PLUS, Jambatan Pulau Pinang, serta projek infrastruktur antarabangsa telah banyak menyumbang kepada pembangunan lebuhraya ini. Dalam menyelia projek berskala besar ini, pasukan UEM Edgenta telah melaksanakan kajian struktur lanjutan bagi menangani keadaan tanah dalam yang tidak stabil, merangka penyelesaian kejuruteraan berdaya tahan untuk menghubungkan rangkaian sungai yang luas, serta mengurus rangkaian bekalan logistik yang amat kompleks merentasi kawasan terpencil.

Dengan menyesuaikan penyelesaian kejuruteraan ini kepada cabaran topografi dan iklim yang unik di Sarawak, pemantauan teknikal oleh UEM Edgenta telah memastikan aset fizikal ini direka untuk meminimumkan kos penyelenggaraan masa hadapan, mengurangkan impak alam sekitar, dan memaksimumkan daya tahan struktur untuk tahun-tahun yang akan datang.

Merentasi jarak kira-kira 786 kilometer dari Telok Melano di bahagian selatan hingga Merapok di bahagian utara, Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo merupakan salah satu usaha kejuruteraan awam yang paling berwawasan di Asia Tenggara. Tadbir urus teknikal UEM Edgenta telah menyelia penyiapan 115 buah jambatan dan 25 persimpangan bertingkat yang kompleks, dan berjaya mengatasi topografi yang mencabar serta rangkaian sungai yang luas.

Selain itu, pengurusan operasi gergasi ini memerlukan pemantauan berjuta jam kerja selamat (*safe man-hours*), penurapan asfalt khusus dengan jumlah yang besar, serta penyelarasan tenaga kerja harian yang amat ramai. Kesemua ini dilaksanakan dengan pematuhan piawaian keselamatan dan operasi di tapak binaan.

Mengulas mengenai skala besar operasi yang terlibat, Shaiful Subhan, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, berkata, "Penyempurnaan projek infrastruktur Lebuhraya Pan Borneo merentasi landskap Sarawak yang luas dan pelbagai memerlukan kepakaran teknikal yang luar biasa, tadbir urus berdisiplin, dan kerjasama erat dalam kalangan semua pemegang taruh. Di UEM Edgenta, kami berbangga kerana dapat menyokong wawasan ini dengan menyediakan pemantauan kejuruteraan, pengurusan projek, dan jaminan kualiti yang diperlukan untuk merealisasikan infrastruktur yang kompleks ini. Melalui amalan kejuruteraan yang terbukti berkesan serta tadbir urus projek yang ketat, kami telah membantu memastikan lebuhraya ini akan berkhidmat kepada rakyat Sarawak dengan selamat, boleh dipercayai, dan mampan untuk generasi akan datang."

Melangkaui penyampaian infrastruktur, Syarikat juga telah menyumbang kepada pengukuhan ekosistem kejuruteraan Sarawak melalui pembangunan bakat tempatan serta keupayaan industri. Menyedari hakikat bahawa infrastruktur mampan bukan sahaja dibina melalui aset fizikal tetapi juga melalui modal insan, UEM Edgenta telah menerapkan pembangunan keupayaan sepanjang projek ini dengan menyepadukan kontraktor dan profesional tempatan ke dalam amalan pengurusan projek dan kejuruteraan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Kini, lebih 70% tenaga kerja UEM Edgenta yang menyokong projek di Sarawak terdiri daripada bakat tempatan, mencerminkan komitmen syarikat dalam membangunkan kepakaran warga tempatan. Kolaborasi strategik, termasuk kerjasamanya dengan *Swinburne University of Technology Sarawak Campus*, terus memperkukuh rantai bakat tempatan melalui latihan amali, program siswazah, dan pemindahan pengetahuan teknikal. Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja menyokong kejayaan pelaksanaan projek infrastruktur hari ini, malah membantu memupuk generasi profesional kejuruteraan Sarawak seterusnya bagi memimpin pembangunan masa depan negeri ini.

Bagi pasukan UEM Edgenta di tapak projek di Sarawak, inisiatif ini melangkaui sekadar pencapaian korporat; ia amat rapat dengan sentimen penduduk tempatan dan merupakan satu kebanggaan besar buat negeri.

Menilai impak sosioekonomi projek ini, Raihana Ahmad, Pengarah Urusan Penyelesaian Infrastruktur di UEM Edgenta, berkata, "Lebuhraya Pan Borneo adalah lebih daripada sekadar jalan raya, ia merupakan pemangkin kepada perpaduan, kemajuan, dan peluang di seluruh Sarawak. Bagi pasukan kami di sini, merealisasikan wawasan yang sekian lama dinantikan ini amat bermakna kerana pada akhirnya, ia bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup komuniti yang kami santuni. Kami berbangga dapat berganding bahu dengan Kerajaan Negeri Sarawak, rakan kongsi, dan kontraktor tempatan bagi menterjemahkan visi ini menjadi kenyataan, di samping memperkukuh keupayaan tempatan yang bakal menyokong aspirasi infrastruktur masa depan negeri ini."

Menandakan fasa siap sepenuhnya, Lebuhraya Pan Borneo berdiri teguh sebagai bukti pencapaian cemerlang yang boleh direalisasikan apabila visi berani pelanggan disatukan dengan kepakaran kejuruteraan tanpa kompromi. Disokong oleh tenaga kerja tempatan yang berkemahiran tinggi serta dilengkapi piawaian operasi bertaraf dunia, Sarawak kini bersedia untuk mengorak langkah besar yang seterusnya.

UEM Edgenta kekal pada posisi kukuh untuk memacu pencapaian aspirasi Kerajaan Sarawak, tatkala negeri ini bersiap sedia untuk menyambut Hari Sarawak pada bulan Julai, serta meneruskan perluasan usaha pembangunannya melalui projek-projek mega yang dinanti-nantikan seperti Rangkaian Jalan Pesisir Pantai dan Jalan Raya Utama Kedua, termasuk Jambatan Batang Lupar 1 yang ikonik sebagai jambatan merentasi sungai terpanjang di Malaysia.

Untuk maklumat lanjut mengenai UEM Edgenta, layari <https://www.uemedgenta.com>.

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta"), sebuah anak syarikat milik penuh UEM Group Berhad, merupakan sebuah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur yang menawarkan penyelesaian bersepadu dan menyeluruh merentasi keseluruhan kitar hayat aset. Syarikat ini menggabungkan kecemerlangan kejuruteraan dalam aspek reka bentuk, pengurusan projek, dan perundingan aset dengan keupayaan pengurusan aset berteraskan teknologi bagi mengoptimumkan prestasi, kecekapan, serta daya tahan aset.

Beroperasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu (UAE), dan Kerajaan Arab Saudi, UEM Edgenta menyokong prestasi yang utuh dan mampan bagi aset-aset kritikal, termasuklah kemudahan penjagaan kesihatan, rangkaian pengangkutan, dan infrastruktur perindustrian.